

Profesional perubatan perluutamakan kualiti

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

Um - 6/11/2006

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak mahukan profesional perubatan sentiasa mengutamakan kualiti bagi mengelak berlaku kecuaiian sehingga memudaratkan pesakit.

Timbalan Perdana Menteri berkata, profesional perubatan perlu mempunyai perspektif, sikap dan budaya kerja yang boleh membendung berlaku kesalahan, kecuaiian dan penyebab kepada sesuatu yang tidak diingini.

Menurutnya, salah satu kaedah untuk memastikan kualiti dalam penjagaan kesihatan terus terpelihara ialah dengan meningkatkan kualiti keseluruhan perkhidmatan itu.

"Kualiti dalam penjagaan kesihatan telah menjadi isu yang global. Ia satu perkara yang harus ada dalam setiap perkhidmatan kesihatan supaya kecuaiian dapat dielakkan," katanya semasa berucap pada Kongres Ginekologi dan Obstetrik Sedunia (FIGO) Ke-18 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, hari ini.

FIGO yang diadakan setiap tiga tahun itu membincangkan perkembangan terkini dalam bidang ginekologi dan obstetrik.

Kira-kira 8,000 peserta daripada 130 negara menghadiri FIGO Ke-18 yang bermula hari ini dan berakhir Jumaat depan.

Iktiraf

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden FIGO, Prof. Arnaldo Acosta.

Sementara itu, Najib berkata, beliau berpuas hati dengan tahap kesihatan wanita Malaysia terutama jangka hayat kelahiran, penurunan kadar kematian ibu dan kadar kesuburan.

Katanya, jangka hayat wanita juga meningkat daripada 58.2 tahun pada 1957 kepada 75 tahun pada 2000.

"Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29 peratus," ujarnya.

Beliau turut berbangga dengan kadar kematian ibu yang menurun sebanyak 10 kali

terbang dari syarikat Malaysia Helicopter Services (MHS) Aviation Berhad. Helikopter Super Puma milik syarikat MHS Aviation Berhad yang membawa 21 orang termasuk juruteraan dan pembantu juruteraan itu dilaporkan terjatuh ke Laut China Selatan kira-kira pukul 11.45 pagi, kira-kira 103 batu nautika atau 240 kilometer dari pantai Dungun.